

31/12/2001

PM mahu Cuepacs kemuka saranan terperinci

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Cuepacs mengemukakan secara terperinci saranan untuk mewajibkan kakitangan awam yang mencapai usia 40 tahun menjalani pemeriksaan kesihatan.

Perdana Menteri berkata, Cuepacs juga perlu memberi penjelasan apakah kakitangan awam yang didapati tidak sihat, perlu diberhentikan.

"Kalau kita ikut cadangan itu sudah tentu yang sihat boleh bekerja, tetapi bagaimana pula dengan mereka yang tidak sihat. Adakah mereka tidak boleh kerja. Adakah mereka (Cuepacs) nak begitu," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin di sini, hari ini.

Semalam, Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam berkata, kerajaan wajar mempertimbangkan cadangan itu kerana 40 peratus daripada rakyat negara ini menghadapi masalah kesihatan apabila mencapai 40 tahun.

Siva berkata, kebanyakan kakitangan awam enggan menjalani pemeriksaan kesihatan kerana khuatir laporan perubatan itu akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat.

Katanya, dengan menjalani pemeriksaan kesihatan, mereka yang mempunyai penyakit serius boleh mendapat rawatan dan apabila pulih mereka mampu menjalankan tugas dengan lebih cekap.

Ketika ini, kakitangan awam hanya diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai sektor awam.

Siva yang dihubungi hari ini, berkata Cuepacs sedang menyiapkan kertas kertas cadangan mengenai perkara itu dan akan mengemukakannya untuk pertimbangan kerajaan selewat-lewatnya minggu depan.

Beliau bagaimanapun berkata, cadangan itu bukan bertujuan menyingkirkan kakitangan yang tidak sihat.

Siva berkata, menerusi pemeriksaan itu kakitangan awam akan mengetahui keadaan kesihatan mereka dan mengambil langkah pencegahan atau merawat penyakit yang dihidapi.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Suleiman Mohamed ketika dihubungi bagaimanapun berkata, mengikut etika perubatan pemeriksaan kesihatan seharusnya dibuat secara sukarela dan tidak boleh dipaksa.

"Dalam aspek kesihatan dan perubatan, tidak ada konsep mendatori dan ini termaktub dalam piagam Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Namun, jika ia mendapat kelulusan Kabinet, cadangan mendatori itu perlu dibahaskan di Parlimen untuk dijadikan undang-undang," katanya.

Suleiman berkata, pemeriksaan kesihatan juga tidak boleh dijadikan kriteria bagi syarat kenaikan pangkat kerana tindakan itu menyalahi etika kesihatan.

Katanya, pemeriksaan kesihatan jika diwajibkan turut memberi kesan ke atas kos penyelenggaraan semua hospital kerajaan.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Md Jafar Abdul Carrim ketika mengulas perkara itu berkata, pihaknya tidak bercadang mewajibkan pemeriksaan kesihatan ke atas kakitangan sektor swasta.

Bagaimanapun, katanya, kakitangan di sesetengah syarikat swasta menjalani pemeriksaan kesihatan sebagai sebahagian kemudahan yang disediakan di bawah skim faedah perubatan.

"Kami menggalakkan lebih ramai majikan menyediakan skim seumpama itu, selain mengadakan beberapa program kesihatan bagi kebajikan pekerja," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak

ketika dihubungi pula berkata, masalah kesihatan tidak semestinya berlaku apabila pekerja mencapai had umur tertentu dan ia bukan menjadi ukuran kecemerlangan pekerja.

"Ada orang yang sihat tubuh badan tetapi tidak produktif manakala ada yang kesihatannya tidak baik tetapi melaksanakan tugas dengan penuh komitmen," katanya.

Oleh itu, katanya, keputusan sama ada seseorang kakitangan perlu menjalani pemeriksaan kesihatan adalah atas budi bicara majikan dan atas cadangan doktor syarikat.

(END)